

## SIARAN AKHBAR

S.A. 2022/11/17\_87 (HQ)

### PRU 15: TNB SIAP SIAGA PASTIKAN BEKALAN STABIL 19 NOVEMBER INI

- Minta kerjasama pihak-pihak berkenaan elak kerja-kerja pengorekan pada hari mengundi

**Tenaga Nasional Berhad (TNB)** telah membuat persiapan bagi memastikan bekalan elektrik di semua 6623 Pusat-pusat Mengundi dan 165 Pusat-Pusat Penjumlahan Rasmi Undi di seluruh Semenanjung berada dalam keadaan baik pada hari pengundian Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU 15), 19 November ini.

Pada masa sama, TNB meminta kerjasama semua pihak yang berkenaan agar mengelak daripada melakukan kerja-kerja pengorekan tanah pada hari tersebut dalam usaha mengurangkan risiko menyentuh kabel elektrik, sekali gus menghindari kemungkinan berlaku gangguan bekalan elektrik akibat kerosakan kabel.

Menurut Ketua Pegawai Rangkaian Pembahagian (Chief Distribution Network Officer) TNB, Wan Nazmy Wan Mahmood, TNB sendiri menangguhkan kerja-kerja sedemikian mulai 16 November di samping memberi tumpuan kepada memastikan kestabilan bekalan sepanjang PRU 15, khususnya pada malam keputusan pilihan raya.

“Nasihat kami, agar kerja-kerja pengorekan ini ditangguhkan dulu dan jika tidak dapat dielakkan, patuhilah semua prosedur dan tatacara yang ditetapkan agar kita sama-sama dapat mengurangkan risiko gangguan.

“TNB telah pun melakukan persiapan awal dalam usaha memastikan aspek teknikal, operasi dan tunggu-sedia bekalan elektrik ke lokasi-lokasi tersebut sentiasa terjamin. Kami juga telah menempatkan pasukan-pasukan petugas bagi memantau dan menunggu sedia untuk lokasi-lokasi penting ini,” katanya.

Menurut Wan Nazmy, TNB telah mendapatkan kerjasama pihak Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR), Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di setiap negeri bagi mendapatkan maklum balas perincian keperluan elektrik di kesemua pusat mengundi dan penjumlahan undi.

“Daripada situ, kami telah pun mengambil langkah-langkah yang diperlukan. Insya Allah semuanya akan berada dalam keadaan terkawal,” tambahnya.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 17 November 2022, jam 10:00 pagi**

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Hanim Idris 019-2617617 /*

*Grace Tan 016-6626229 / Faiq Haikal 013-3889606*

*atau emel kami: [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*



Ketua Pegawai Rangkaian Pembahagian TNB (TNB Chief Distribution Network Officer)  
Wan Nazmy Wan Mahmood